

NEWS CLIPPING

MEDIA: Kosmo

DATE: 27 November 2014

SECTION/PAGE: Niaga/ Pg 52

52 Niaga

KOSMO! KHAMIS 27 NOVEMBER 2014

Peruntukan sebanyak RM23 bilion diberikan secara berperingkat

RM9.7 bilion untuk Laluan 1 MRT

PETALING JAYA - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) membelanjakan RM9.7 bilion bagi projek Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan 1) setakat ini.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, peruntukan RM23 bilion bagi projek Laluan 1 diberikan oleh kerajaan secara berperingkat.

"Projek yang dibiayai kera-

jaan, yang dijangka siap menjelang Julai 2017, berjalan secara berperingkat dan diberi tempoh untuk disiapkan.

"Peruntukan ini akan digunakan sepenuhnya," katanya dalam sidang akhbar berhubung kemajuan projek MRT di sini se-



dengan tujuh lagi projek masih belum diberikan.

"Lima daripada tujuh projek

malam.

Setakat ini, Azhar menjelaskan, 78 pakej kerja bernilai RM21.02 bilion telah diberikan kepada kontraktor

itu bernilai RM250 juta. Syarikat bagi pakej-pakej tersebut telah disenarai pendek," katanya.

Beliau memaklumkan, setakat 31 Oktober lalu, pembinaan projek Laluan 1 itu telah siap sebanyak 55.21 peratus.

"Pada tahap ini kami yakin untuk mencapai sasaran bagi operasi keseluruhan laluan tersebut pada Julai 2017," katanya sambil menambah bahawa 53 peratus daripada landasan laluan atas

telah siap.

Kata beliau, pakej kerja-kerja bawah tanah yang meliputi pembinaan stesen bawah tanah dan terowong kini 70 peratus siap.

Azhar berkata, syarikat sedang memasang tiga tren di pusat pemasangan tren kontraktor di Hulu Selangor, Selangor.

"Kami akan menghantar tren-tren ini ke depoh Sungai Buloh bagi ujian dinamik tidak lama lagi," ujarnya. - Bernama